

TONSILITIS

Apa itu tonsil ?

Tonsil adalah kelenjar yang berkerja seperti askar untuk memerangi infeksi di tubuh

- Ia terletak di tepi sebelah belakang tekak.

Apa itu radangan tonsil ?

Infeksi pada kelenjar tonsil pada kebiasaan disebabkan dari kuman viral dan hanya 15% di sebabkan oleh bakteria.

Bagaimana seseorang di diagnosakan mendapat radangan tonsil ?

Kanak kanak yang mengalami radang tonsil selalunya tidak sihat

- Dia akan mengalami :-
 - Demam
 - Susah untuk menelan kerana sakit tekak
 - Nafas berbau busuk.
 - Bunyi suara yang ganjil
 - Kebengkakan pada kelenjar tekak

Kelenjar tekak akan kelihatan



- Besar, merah dan kebiasaan terdapat tompok - tompok putih di atasnya.

Jangkitan lebih kepada sebab virus kalau kanak kanak itu mendapat batuk dan selsema

Bagaimana rawatan radang tonsil ?

Perawatan yang dapat membantu adalah

- Paracetamol untuk mengurangkan demam dan sakit
- Makan makanan yang sejuk, lembut dan minuman sejuk
- Banyakkan minum
- Elakkan makanan yang keras, rangup, berempah dan panas
- Rehat
- Antibiotik jika jangkitan berpunca dari bakteria

Bila kelenjar tonsil patut dibuang ?

Pembuangan kelenjar tonsil (tonsillectomy):

- Apabila jangkitan berulang - ulang.
- Kelenjar tonsil yang besar mengganggu pernafasan dan gaya tidur yang biasa untuk anak anda.

Doktor akan membuat penilaian secara individu bagi menentukan tindakan yang di ambil.

Bolehkah jangkitan pada kelenjar tonsil dielakkan?

- Radang tonsil yang disebabkan sakit kerongkong (diphtheria) boleh dielakkan dengan pengambilan immunisasi.
- Kalau tidak dibuang pencegahan tidak dapat dilakukan.
- Pemberian immunisasi dapat mencegah radang tonsil yang disebabkan diphtheria, namun begitu ianya sukar dicegah. Elakkan daripada bergaul dengan kanak-kanak yang ada selsema dan batuk.

Bolehkah radang tonsil mengakibatkan gejala yang teruk selain dari sakit tekak ?

Komplikasi yang teruk telah di kenal pasti. Ini termasuk:

- Termasuk :
 - Demam rheumatik (jangkitan diselaput jantung) disebabkan bakteria streptokokus dan tidak mengambil antibiotik dengan secukupnya.
 - Radang buah pinggang (acute glomerulonephritis) juga kerana jangkitan streptococcus.
 - Pangkal kelenjar tonsil yang bernanah perlu rawatan kecemasan.
 - Radang tonsil yang berulang boleh menjelaskan kesihatan kanak-kanak dan kualiti hidupnya.